

12 AUG 1999

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG KINI PARTI MILIK ORANG ASING, KATA MAHATHIR

SEREMBAN, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti pembangkang di negara ini kini sudah menjadi milik orang asing dan bukan lagi milik rakyat Malaysia.

Katanya, para penyokong parti pembangkang patut sedar bahawa mereka sudah diperalatkan oleh orang asing untuk cuba menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang.

"Mereka (orang asing) ingin kerajaan jatuh bukan kerana mereka sayang kepada parti pembangkang tetapi kerana mereka tidak senang hati dengan kerajaan Malaysia yang ada sekarang yang tidak sanggup tunduk kepada mereka," katanya ketika berucap pada jamuan makan malam raksasa Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan di Padang Perbandaran di sini malam ini.

Jamuan yang dihadiri oleh lebih 25,000 orang penyokong BN turut disertai oleh Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat serta Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga Setiausaha Agung Umno.

Dr Mahathir berkata, orang asing kini sengaja mempromosikan calon-calon daripada parti pembangkang dan memuji pembangkang, mempamer nama dan gambar calon parti pembangkang dengan harapan rakyat Malaysia menerima calon-calon yang dipilih oleh orang asing ini.

Perdana Menteri berkata parti pembangkang pula sanggup menjual diri mereka kepada orang asing dan selalu meminta pertolongan mereka dan meminta mereka campur tangan dalam urusan negara ini.

Beliau meminta rakyat negara ini sentiasa sedar bahawa penjajah masih berminat untuk menjajah Malaysia dan meraih kekayaan negara ini untuk diri mereka.

"Apa yang saya katakan ini mempunyai asas yang kukuh kerana kita tahu bahawa mereka sering campur tangan dalam urusan politik negara-negara yang mereka pengaruhi supaya mereka mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak tahu sama ada pedagang matawang mempunyai hubungan yang rapat dengan media, dengan peniaga gergasi dari negara maju tetapi hakikatnya ialah apabila pedagang matawang menyerang negara tertentu dan menyebabkan negara itu menjadi miskin, dengan serta merta dana wang antarabangsa (IMF) menawar untuk menolong negara yang diserang itu.

"Tetapi bantuan atau pertolongan oleh IMF ini mempunyai syarat dan syaratnya ialah supaya ekonomi negara kita dibuka seluas-luasnya kepada peniaga dan pengusaha dan bank-bank dari negara maju," katanya.

Mereka ingin supaya dapat bermaharaja lela di Malaysia, masuk berniaga dan menguasai semua syarikat di negara ini, 100 peratus kerana syarikat dan bank mereka lebih besar.

Dr Mahathir berkata, apabila mereka telah menguasai ekonomi negara, mereka boleh menentukan dasar ekonomi yang akan memberi keuntungan kepada mereka.

"Mereka tidak akan berhenti dengan mempengaruhi dasar dan menguasai ekonomi sahaja, mereka akan juga berusaha untuk mempengaruhi politik negara kita untuk menentukan negara kita yang demokratik ini memilih pemimpin yang dicalon oleh mereka," katanya.

Orang asing juga akan menentukan siapa yang akan menjadi pemimpin kerajaan Malaysia dan apakah dasar kerajaan Malaysia dan pada masa itu negara ini akan dijajah semula.

Perdana Menteri berkata, beliau bukan mahu menakut-nakutkan rakyat tetapi menyatakan kebenaran "that is the truth and that is the fact, they

want to colonise us again" tidak secara langsung dengan membawa tentera tetapi dengan menguasai ekonomi negara ini.

Katanya, Malaysia menolak tawaran bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana tidak mahu negara ini diletakkan di bawah kuasa mereka dan pendekatan tersendiri oleh negara ini memulihkan ekonomi dengan mengawal ringgit dan pasaran saham telah menghasilkan kejayaan.

Dr Mahathir berkata, pemulihan ekonomi negara ini bukan satu mimpi tetapi kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dan Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak 1 peratus tahun ini.

Rakyat perlu terus memberi kepercayaan kepada BN untuk membentuk kerajaan pada pilihan raya umum akan datang jika mereka mahu melihat ekonomi negara ini terus dipulihkan.

Mereka tidak harus menyerahkan pemerintahan negara ini kepada pembangkang kerana pembangkang akan menyerahkan ekonomi negara kepada orang asing.

"Kerajaan BN berikrar untuk meneruskan dasar-dasar untuk memulihkan ekonomi negara... kita yakin kita boleh memulihkan ekonomi negara," katanya.

Rakyat jangan cuba menukar kuda separuh jalan dalam sungai kerana ia adalah berbahaya, katanya.

"Mereka (pembangkang) bukan pilihan alternatif bagi rakyat Malaysia, rakyat perlu terus sokong BN membangunkan negara supaya kita sama maju dengan negara maju lain di Amerika, Eropah dan Jepun," katanya.

-- BERNAMA

AFY RI